

**UCAPAN
YANG BERUSAHA ENCIK JOHN RAMPAI
PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

DI DALAM

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KEM KESEDARAN ALAM
SEKITAR (KEKAS) SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA
PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

7-8 OKTOBER 2023

PENDAHULUAN DAN PENGHARGAAN

1. Terlebih dahulu saya rasa gembira dan bersyukur dapat kita berkumpul di Majlis Perasmian Penutupan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) yang telah dilaksanakan pada 7 – 8 hb Oktober 2023 di Bintulu. Program ini juga merupakan salah satu program yang dianjurkan sempena Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023 dan pelaksanaan program KEKAS di Bintulu ini didukung banyak pihak.

2. Terima kasih dan penghargaan kepada Tuan Residen Bintulu kerana dapat meluangkan masa untuk merasmikan Majlis Perasmian Penutupan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) ini. Ucapan terima kasih juga kepada En Anuar B Ismail, Pengurus Besar Kanan, PETRONAS Carigali Sdn Bhd, Sarawak Asset kerana meluangkan masa menghadiri majlis ini.

3. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program KeKAS ini iaitu PETRONAS selaku rakan kerjasama di dalam penganjuran program kesedaran alam sekitar pada kali ini. Melalui kerjasama sebegini, pelbagai

program berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar seperti Kem Kesedaran Alam Sekitar dapat dilaksanakan. Semoga usaha murni syarikat besar seperti PETRONAS bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti JAS, NREB dan Jabatan Pendidikan dapat menarik lebih banyak lagi penglibatan daripada agensi swasta yang lain sekaligus meluaskan lagi penyebaran kesedaran alam sekitar di negeri Sarawak.

4. Saya juga merakamkan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Jabatan Pendidikan Daerah Bintulu kerana memberi kebenaran kehadiran dan penglibatan murid-murid serta guru pengiring. Kebenaran ini amat bermakna bagi kami selaku penganjur di dalam hal memberi pendedahan dan kesedaran penjagaan alam sekitar kepada pelajar-pelajar sekolah.

5. Kepada para pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan di sekitar Bintulu, penglibatan tuan-tuan dan puan serta para pelajar telah menjadikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Semoga program ini memberi pengetahuan serta faedah dalam usaha untuk memelihara dan memulihara alam sekitar di negeri ini.

6. Ucapan penghargaan dan terima kasih turut ditujukan kepada pihak Lembaga Alam Sekitar dan Sumber Asli Negeri Sarawak (NREB) dan Jabatan Pertanian Bintulu yang telah bekerjasama dan memberikan sokongan padu di dalam menjayakan program kem kesedaran alam sekitar (KEKAS). Kehadiran dan kerjasama Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua menunjukkan sokongan dan komitmen di dalam menjayakan usaha mempromosikan program kesedaran alam sekitar.

Hadirin sekalian,

Seterusnya saya mohon izinkan untuk berkongsi tiga (3) perkara yang terkait dalam program KEKAS ini.

YANG PERTAMA : HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN)

7. Hari Alam Sekitar Negara disambut pada 21 Oktober setiap tahun dan merupakan penjenamaan semula kepada penganjuran Sambutan Hari Alam Sekitar Malaysia dan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) pada tahun-tahun sebelum tahun 2016.

8. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Kebangsaan telah mula dianjurkan pada tahun 2016 bertempat di Kuching, Sarawak dengan membawa tema buat julung kalinya iaitu “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”. Tema ini dipilih bertujuan untuk menanamkan sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar di kalangan seluruh rakyat Malaysia. Hari Alam Sekitar Negara adalah kemuncak kepada program alam sekitar di negara ini dan objektif HASN ialah:

- i. Mempromosikan Pendidikan dan kesedaran alam sekitar;
- ii. menyediakan platform kepada rakyat untuk bersama-sama menghayati alam sekitar;
- iii. mengiktiraf mereka yang telah memberi sumbangan signifikan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar; dan
- iv. membudaya dan memupuk kesedaran masyarakat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar

9. Program ini adalah wajar memandangkan dunia kita kini sedang menghadapi perubahan cuaca (climate change) yang pada dasarnya telah memberi kesan yang tidak baik kepada kita seperti kepanasan global, banjir, rebut dan sebagainya. Ini adalah masalah yang perlu kita tangani dengan segera demi generasi sekarang dan akan datang.

Hadirin sekalian,

YANG KEDUA : KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR (KEKAS)

10. Sebagaimana telah saya sebutkan di peringkat awal tadi, program KEKAS ini merupakan salah satu program yang dianjurkan sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023. Melalui program KEKAS ini, para peserta didedahkan dengan pelbagai aktiviti dan program, agar para peserta memperolehi pengetahuan, kemahiran dan sikap yang akan menggalakkan mereka berkecimpung dalam aktiviti yang bertanggungjawab dan berkeseimbangan dengan alam sekitar.

11. Penjagaan dan pengurusan sumber yang lestari melalui konsep *Reduce, Reuse dan Recycle* perlu diterapkan kepada para pelajar kerana mereka yang mewarisi khazanah bumi di Negara ini akan biasa melaksanakan konsep ini apabila mereka dewasa kelak. Kem ini juga memberi pendedahan kepada murid-murid bagaimana sisa-sisa makanan boleh digunakan sebagai bahan kompos untuk baja tanaman serta konsep pengurusan buangan elektrik dan elektronik. Selain itu ceramah dan aktiviti-aktiviti bertemakan alam sekitar juga didedahkan kepada murid-murid.

Hadirin sekalian,

YANG KETIGA : KEMPEN HINDARI PLASTIK SEKALI GUNA

12. Disini saya juga ingin menarik perhatian berhubung sokongan pihak ke atas kempen kesedaran pengurangan penggunaan plastic sekali guna demi menjaga kelestarian alam sekitar. Seperti mana yang kita ketahui, plastik adalah bahan yang sukar untuk dilupuskan dan ia mengambil masa yang sangat lama untuk menjadi reput (atau diuraikan) bergantung kepada bahan yang digunakan dalam pembuatannya.

13. Bahayanya plastik apabila dibakar akan membebaskan gas beracun yang boleh mencemarkan udara dan memberi kesan kepada kesihatan manusia dan juga kehidupan ekologi lain. Manakala sisa plastik yang dibuang ke laut atau sungai boleh mencemarkan dan mengancam serta memusnahkan hidupan akuatik (sungai dan laut).

Hadirin sekalian,

PENUTUP

14. Sebelum mengundurkan diri, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih juga kepada semua urusetia dari JAS dan Petronas serta semua agensi yang terlibat yang telah menjayakan program ini. Pendek kata, anda semua merupakan tulang belakang terhadap kejayaan penganjuran program kesedaran alam sekitar. Semoga komitmen dan kerjasama yang terjalin ini akan berterusan bagi mewujudkan dan memperluaskan pendidikan kesedaran alam sekitar melibatkan warga sekolah pada tahun-tahun yang akan datang.

Sekian. Terima kasih.